

MENAMATKAN pengajian dengan keputusan Ijazah Kelas Pertama menambah nilai kebolehpasaran graduan dalam merebut peluang pekerjaan nanti. - Gambar hiasan



MAHASISWA perlu menggariskan matlamat yang jelas pada hari pertama menjejaskan diri ke universiti. - Gambar hiasan

Mahasiswa Melayu perlu ubah mentaliti

Sudut Pandang

Oleh **PROF. DATUK DR. MOHAMMAD SHATAR SABRAN**
Pakar Sosial dan
Timbalan Naib Canselor
(Hal Ehwal Pelajar dan Alumni),
Universiti Putra Malaysia



UMUM sedia maklum, bulan September merupakan antara bulan yang sangat sibuk bagi semua universiti awam (UA) di negara ini.

Senario itu berlaku kerana pada bulan tersebut, kesemua UA di negara ini menerima kemasukan pelajar baharu untuk kemasukan sesi 2016/2017.

Puluhan ribu matrikulasi atau tingkatan enam telah memulakan perjalanan mereka sebagai mahasiswa universiti.

Mulai bulan itu juga, mahasiswa yang terlibat perlu sedar bahawa keadaan dan senario masa depan mereka adalah tertakluk kepada keputusan serta kelakuan sepanjang pengajian di universiti masing-masing.

Apa yang menyedihkan masyarakat dan negara pada hari ini ialah terdapat sebahagian mahasiswa Melayu yang kurang jelas akan matlamat dan tanggungjawab mereka sewaktu

berada di universiti.

Justeru itu, golongan mahasiswa Melayu ini seringkali tersasar daripada matlamat utama mengapa dan kenapa mereka berada di universiti?

Apa yang menyedihkan ialah segala harapan dan pelaburan ibu bapa mereka serta negara menjadi sia-sia.

Oleh yang demikian, mahasiswa Melayu seharusnya sedar dan peka terhadap matlamat serta agenda utama mereka memasuki universiti.

Tanpa menyedari matlamat utama memasuki universiti, mahasiswa Melayu akan mudah terpengaruh dengan pelbagai ajakan dan hasutan terutamanya daripada luar universiti bagi memenuhi matlamat serta cita-cita individu ataupun kumpulan yang tidak bertanggungjawab.

Wawasan

Mereka akan dijadikan kambing hitam atau batu loncatan tanpa disedari.

Justeru, mahasiswa Melayu perlu mempunyai wawasan dan matlamat jelas agar mereka tidak tertipu dengan sebarang manipulasi oleh pihak yang tidak bertanggungjawab ini.

Salah satu daripada agenda utama yang perlu dicapai oleh setiap mahasiswa Melayu ialah mencapai kecemerlangan dalam bidang akademik.

Mahasiswa perlu sedar bahawa tujuan utama memasuki universiti ialah untuk mencapai kecemerlangan akademik.

Bagi mencapai matlamat itu, mahasiswa Melayu perlulah memberikan sepenuh komitmen terhadap pelajaran mereka.

Peruntukkan masa yang cukup untuk pembelajaran sekiranya

ingin mencapai keputusan akademik yang cemerlang.

Malangnya, apa yang berlaku pada hari ini, mahasiswa Melayu sering terlupa dengan matlamat utama ini.

Mereka terleka dengan dua perkara yang melalaikan iaitu hiburan dan ajakan atau hasutan luar.

Masa yang sepatutnya digunakan untuk tujuan pembelajaran banyak dihabiskan dengan melakukan aktiviti yang tidak berfaedah.

Akibat daripada keculasan itu, ramai mahasiswa Melayu yang gagal menamatkan pengajian dengan Ijazah Kelas Pertama seperti mana yang diperoleh oleh mahasiswa daripada bangsa lain seperti Cina dan India.

Mahasiswa Melayu sering leka dengan hiburan yang berpunca daripada media sosial.

Hampir setiap masa, mereka menggunakan gajet-gajet yang ada untuk tujuan hiburan ataupun melakukan perkara tidak berfaedah seperti berkongsi cerita sensasi, gosip, khabar angin dan sebagainya.

Akhirnya, masa yang sepatutnya digunakan untuk pembelajaran terbuang begitu sahaja.

Mahasiswa Melayu juga terlalu mudah terpengaruh dengan ajakan pihak luar untuk melakukan transformasi dan perubahan. Mahasiswa Melayu begitu cepat percaya perubahan boleh dilakukan dengan cara singkat seperti reformasi dan rusuhan.

Mereka mudah terikut-ikut dengan kaedah itu walhal ia sebenarnya merosakkan masa depan mereka kerana perubahan tidak akan berlaku jika

berbekalkan semangat sahaja.

Sementelah, semangat akan datang dan pergi tetapi kecemerlangan akademik kekal selama-lamanya.

Pasaran kerja

Justeru mahasiswa Melayu perlulah jelas akan matlamat utama mereka berada di universiti. Mereka perlu selalu diingatkan agar tidak mudah menjadikan diri sebagai kambing hitam atau batu loncatan kepada pihak lain yang berkepentingan peribadi.

Tumpukan masa dan tenaga yang ada untuk kecemerlangan akademik. Mahasiswa Melayu perlu sedar perubahan atau masa depan yang cemerlang tidak mampu dicapai jika hanya berbekalkan semangat.

Ia perlu disusuli dengan kecemerlangan akademik. Hanya dengan pencapaian akademik tinggi, mahasiswa Melayu mampu bersaing dengan mahasiswa bangsa lain dalam pasaran kerja kelak.

Semoga mahasiswa Melayu cepat sedar terhadap matlamat dan agenda sebenar mereka di universiti.

Pastikan matlamat untuk muncul sebagai mahasiswa Melayu Ijazah Kelas Pertama itu menjadi realiti kerana dengan memegang Ijazah kelas Pertama ini, mahasiswa Melayu bukan sahaja laris di pasaran kerja tetapi tidak perlu lagi membayar pinjaman Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) kerana pinjaman tersebut telah ditukar kepada biasiswa.

Ayuh mahasiswa Melayu, bangun dan sedarlah sebelum terlambat!



MAHASISWA Melayu perlu mengelakkan diri daripada dimanipulasi pihak tidak bertanggungjawab seperti melakukan demonstrasi. - Gambar hiasan